

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- a) jumlah terkini kehadiran pelancong Eropah, China, Timur Tengah, Amerika, Jepun, Korea, India, Afrika dan Asia Tenggara yang berkunjung ke Sarawak sepanjang tempoh Tahun Melawat Malaysia 2014; dan
- b) berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi hasil kunjungan pelancong tersebut dan adakah sasaran Tahun Melawat Malaysia 2014 dapat dicapai.

**JAWAPAN :**     **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Imigresen Sarawak melaporkan seramai **1.4 juta** orang pelancong asing telah berkunjung ke Negeri Sarawak bagi tempoh Januari hingga Jun 2014 berbanding tempoh yang sama iaitu seramai **1.3 juta** orang pada tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak **10 peratus**.

Jumlah kemasukan pelancong asing ke Negeri Sarawak bagi tempoh Januari hingga Jun 2014 mengikut pasaran adalah seperti yang berikut:-

- i. Pasaran Eropah seramai 23,495 orang.
- ii. Pasaran China seramai 21,299 orang.
- iii. Pasaran Timur Tengah seramai 2,232 orang.
- iv. Pasaran Amerika Syarikat seramai 6,419 orang.
- v. Pasaran Jepun seramai 6,368 orang.
- vi. Pasaran Korea Selatan seramai 3,616 orang.
- vii. Pasaran India seramai 17,004 orang.
- viii. Pasaran ASEAN seramai 1.25 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan Negeri Sarawak masih dalam proses pengumpulan data memandangkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 masih berlangsung. Justeru itu, Kementerian ini tidak dapat mengesahkan sama ada sasaran yang telah ditetapkan untuk Tahun Melawat Malaysia dapat dicapai pada ketika ini.

Sekian, terima kasih.